

Panel Penceramah (dari kiri) Dr Kamaluddin, Ustaz Radihan dan Nisah Haron di Diskusi Perpustakaan 'Buku dan Syiah: Apa Yang Perlu Diketahui?' di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia. [IQMAL HAQIM ROSMAN /BH]

Mengapa buku diharamkan?

» *Kajian dilakukan hasil pemantauan, aduan orang awam*

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

Tidak ramai yang mengetahui proses penapisan dan pengharuman buku dalam konteks kawalan penerbitan tanah air di sebalik polemik dalam media sosial, selain sejauh mana ia memberi kesan kepada pengarang kreatif. Justeru, mekanisme kawalan



Antara peserta yang hadir di **program Diskusi Perpustakaan 'Buku dan Syiah: Apa Yang Perlu Diketahui?'** di Perpustakaan USM.

penerbitan terutama bahan berunsurkan Islam itu didedahkan kepada umum pada Diskusi Perpustakaan, Buku dan Syiah: Apa Yang Perlu

Diketahui? di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, baru-baru ini.

Penolong Pengarah (Penyelidi-

kan I) Cawangan Kawalan Media, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Radihan Saari, berkata buku yang ditapis diperoleh daripada pemantauan berkala pihaknya yang turut membabitkan jabatan agama Islam dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

“Bahan bacaan turut diserahkan oleh agensi kerajaan dan pusat penerbitan, selain kami turut menerimanya daripada aduan awam. Kami mengkajinya secara terperinci berdasarkan klasifikasi iaitu bidang akidah, syariat, tasauf dan aliran sufi, falsafah dan pemikiran Islam, sirah dan sejarah, tahyul, perubahan, perbomohan dan ilmu hikmah,” katanya pada forum yang dipengerusikan Pustakawan Unit Rujukan Perpustakaan USIM, Ahmad Yazid Ahmad@Abdul Rahman.